

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera

**Komunikasi Korporat Kumpulan**  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM RAIH TIGA PENGIKTIRAFAN SEMPENA ANUGERAH KECEMERLANGAN e-PEMBAYARAN 2019**

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [2 Ogos 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) meraih tiga pengiktirafan sempena penganjuran Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia (MEPA) 2019 atas sumbangannya terhadap pertumbuhan pembayaran elektronik (e-pembayaran) di Malaysia. Pada majlis berkenaan, Bank Islam telah menerima pengiktirafan untuk kategori *Best Customer Experience (Direct Debit)*, *Best Direct Debit Bank* dan *Best FPX Bank*.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, pengiktirafan *Best Customer Experience (Direct Debit)* buat kali kedua, susulan kemenangan pertama pada tahun 2017, adalah bukti usaha berterusan Bank Islam untuk berada di barisan hadapan sektor perbankan digital di Malaysia.

“Bank Islam terus berazam meneruskan perjalanan Tranformasi Digital kami dengan mengambil kira perubahan dan membawa teknologi ke dalam penyelesaian-penyelesaian berasaskan Syariah yang mana merupakan sebahagian daripada aspek penting dalam mencapai pertumbuhan yang mampan. Memberikan perkhidmatan yang seiring dengan trend digital semasa akan mempertingkatkan pengalaman perbankan pelanggan untuk melaksanakan transaksi perbankan mereka dengan selamat dan lancar. Ia juga merupakan satu keutamaan strategik bagi kami untuk melaksanakan usaha-usaha mewujudkan nilai,” katanya ketika menerima ketiga-tiga penghormatan tersebut.

Anugerah-anugerah yang diterima Bank Islam telah disampaikan oleh Penolong Gabenor, Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid kepada Encik Mohd Muazzam di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur pada 31 Julai lalu.

“Bank Islam akan terus meneruskan usaha mempromosi dan mengukuhkan segmen e-pembayarannya dengan memperkenalkan lebih banyak inisiatif yang relevan. Langkah-langkah yang diperkenalkan ini akan menyokong usaha Malaysia dalam meletakkan ekonomi digital sebagai pemacu baharu pertumbuhan negara.” tambah Encik Muazzam.

MEPA adalah satu acara tahunan anjuran Payments Network Malaysia (PayNet) yang memberi pengiktirafan terhadap pencapaian terbaik bank, perniagaan dan agensi-agensi kerajaan yang telah memberikan sumbangan signifikan terhadap kecemerlangan, inovasi dan pertumbuhan sektor e-pembayaran di Malaysia.

“Sebagai sebahagian daripada kumpulan perkhidmatan Islam yang ulung di Malaysia, anugerah-anugerah dan pengiktirafan yang diterima ini melambangkan usaha berterusan kami dalam menyokong dan memperkukuhkan matlamat negara untuk menjadi sebuah hab kewangan Islam yang terkemuka,” kata Encik Mohd Muazzam.

Baru-baru ini Bank Islam telah berada pada kedudukan teratas senarai liga Sukuk Global Bloomberg buat kali pertama pada separuh pertama tahun ini, melonjak daripada aras ke-27 (setakat akhir 2018). Ia meraih 17.31% bahagian pasaran Sukuk Global, setelah berjaya menguruskan urusanniaga-urusanniaga utama yang menjana nilai sukuk berjumlah AS\$5.15 bilion (RM21.01 bilion).

Buat kali pertama, Bank Islam juga telah mendahului senarai liga Pasaran Modal Malaysia Bloomberg bagi kategori Penerbitan Bon dan Sukuk Islam Ringgit Malaysia, masing-masing menguasai 34.71% dan 38.28% pasaran, setakat 30 Jun 2019.

Encik Muazzam berkata, “Kami berbesar hati kerana dipilih untuk menerima penghormatan-penghormatan ini. Ia tentunya tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan usaha keras warga kerja Bank Islam, serta kepercayaan yang diberikan oleh para pelanggan kami.”

“Kami akan terus berusaha untuk menyampaikan produk-produk kewangan dan perkhidmatan patuh Syariah yang relevan dan inovatif bagi memenuhi keperluan para pelanggan kami.”

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Head, Group Corporate Communications Bank Islam Malaysia Berhad Level 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Fax: 03-2781 2998 Email: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Media Relations & Editorial, Group Corporate Communications BIMB Holdings Berhad Level 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Fax: 03-2781 2998 Email: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	---